

20/10/2001

Kakitangan kerajaan naik gaji, dapat bonus

KUALA LUMPUR, Jumaat - Lebih 850,000 kakitangan awam akan mendapat bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 bagi tahun 2001 sebagai menghargai sumbangan dan komitmen kakitangan berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pembayaran bonus itu akan dibuat separuh pada Oktober, manakala bakinya November ini.

"Saya berharap ganjaran ini dapat digunakan untuk menampung perbelanjaan, terutamanya bagi menyambut perayaan dan juga sebagai persediaan bagi perbelanjaan persekolahan anak," katanya.

Perdana Menteri ketika membentangkan Belanjawan 2002 hari ini juga mengumumkan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus atau tambahan berjumlah 1.2 bulan gaji setahun.

"Tambahan ini dapat dibuat memandangkan hasil kerajaan meningkat kerana pertumbuhan ekonomi dan pengurusan kewangan yang berhemat atau prudent yang mengelak perbelanjaan yang membazir," katanya.

Pelarasan gaji kakitangan awam kali terakhir dibuat pada 1995. Bagaimanapun, pada tahun 2000, kerajaan telah menaikkan gaji pokok sebanyak 10 peratus.

"Kerajaan berharap pemberian bonus dan kenaikan gaji ini bersama dengan penghapusan sekatan bonus kepada sektor swasta dapat meningkatkan kuasa beli sebenar sebahagian besar rakyat," katanya.

Selain bonus dan kenaikan gaji, kerajaan turut menjadikan skim perkhidmatan Pegawai Perubatan Awam lebih menarik yang mana kadar Elaun Kerja Luar Waktu dinaikkan antara 25 hingga 50 peratus, bermula 1 Oktober 2001.

"Kenaikan ini diharap meningkatkan motivasi pegawai perubatan yang dibebankan dengan kerja tambahan serta mengurangkan perbezaan imbuhan yang diterima oleh pegawai perubatan kerajaan dengan swasta," kata Dr Mahathir.

Penyertaan dan sumbangan anggota sukarela dalam pasukan keselamatan, khususnya Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pertahanan Awam juga dihargai.

Perdana Menteri berkata, kadar sugu hati tambahan bagi pegawai dan anggota berkenaan dinaikkan daripada RM400 kepada RM520 ringgit, iaitu kenaikan sebanyak 30 peratus mulai 1 Oktober 2001.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata bagi anggota sukarela ATM, kadar pemberian pakar, dengan izin, (specialist grant) yang tidak pernah dikaji semula sejak 1958, dinaikkan 100 peratus daripada RM150 ringgit kepada RM300 setahun bagi pegawai, manakala bagi lain-lain pangkat dinaikkan daripada RM100 dan RM75 ringgit setahun kepada RM200 ringgit setahun mulai 1 Oktober 2001.

(END)